



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

A. JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

1. Bolehkah majikan/penyedia penginapan menyediakan penginapan kepada pekerja?

Majikan/penyedia penginapan boleh menyediakan penginapan kepada pekerja dengan syarat mematuhi peruntukan Undang-Undang dan Garis Panduan semasa seperti Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172), Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) dan Garis Panduan Penginapan Pekerja Asing yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja.

2. Apakah jenis penginapan yang boleh disediakan kepada pekerja?

Jenis penginapan yang boleh disediakan adalah seperti berikut:

- i. Penginapan berpusat dan Domitri;
- ii. Apartment / Flat / Kondominium;
- iii. Rumah teres;
- iv. Lain-lain bangunan bukan kediaman yang akan diubah suai bagi kegunaan penginapan hendaklah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan.

3. Berapakah bilangan penghuni/pekerja yang boleh ditempatkan dalam sesuatu unit penginapan?

Bilangan penghuni/pekerja yang boleh ditempatkan dalam sesuatu unit penginapan adalah berdasarkan kepada keluasan ruang bertutup dengan memastikan garis panduan amalan terbaik *social/ safe distancing* disediakan (seperti tanda jarak 1 meter dilantai, meja dan kerusi) dan dilaksanakan khususnya di setiap kawasan-kawasan penginapan. Penyedia penginapan perlu membuat label di semua kawasan *common area* dan memastikan penjarakan sosial dipatuhi selaras dengan garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

4. Apakah tanggungjawab majikan/penyedia penginapan bagi menangani penularan penyakit COVID-19?

Majikan /penyedia penginapan perlu memberi taklimat yang sesuai kepada penghuni/pekerja berkenaan penyakit COVID-19 dan langkah-langkah pencegahan yang perlu diikuti. Majikan /penyedia penginapan perlu memberikan pemahaman dan garis panduan menangani COVID-19 kepada mereka dalam bahasa yang mudah difahami oleh penghuni/pekerja secara bertulis terutamanya pekerja bukan warganegara. Majikan/penyedia penginapan hendaklah menyediakan *hand sanitizer / disinfecting kits* di pintu masuk, semua kawasan *common area* dan tempat-tempat lain yang berkaitan di dalam kilang /premis. Setiap pekerja juga perlu memakai topeng muka serta sentiasa mengamalkan penjarakkan sosial di premis.

5. Adakah FAQ ini terpakai kepada majikan disemua sektor pekerjaan dalam tempoh PKP?

FAQ ini terpakai bagi semua majikan/penyedia penginapan yang menyediakan kemudahan penginapan berpusat pekerja (CLQ) dan hostel/asrama pekerja di semua sektor pekerjaan.

6. Apakah tindakan yang perlu dipatuhi oleh majikan /penyedia penginapan?

- i. Menghadkan pergerakan penghuni.
- ii. Kawasan guna sama disanitasi sekurang-kurangnya tiga (3) kali sehari
- iii. Patuh Prosedur Pencegahan COVID-19 yang ditetapkan KKM dari semasa ke semasa.

7. Apakah yang perlu dilakukan oleh majikan/ penyedia penginapan bagi memastikan penjarakan sosial dipatuhi selaras dengan garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)?

Majikan/ penyedia penginapan perlu membuat label di semua kawasan *common area* dan memastikan penjarakan sosial dipatuhi selaras dengan garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Majikan/ penyedia penginapan hendaklah memastikan garis panduan amalan terbaik *social/ safe distancing* disediakan (seperti tanda jarak 1 meter dilantai, meja dan kerusi) dan dilaksanakan khususnya di setiap kawasan-kawasan penginapan seperti fasiliti, kafeteria/ kantin, tandas, *multipurpose hall*) dan lain-lain.

8. Apakah tanggungjawab Penyelia Penginapan (*warden*) yang dilantik oleh majikan/ penyedia penginapan?

Penyelia Penginapan (*warden*) perlu menyelaraskan peraturan-peraturan keselamatan dan kesihatan serta langkah-langkah yang perlu dipatuhi oleh semua penghuni/pekerja.

9. Bagaimanakah proses sanitasi boleh dilakukan oleh majikan/ penyedia penginapan?

Majikan/ penyedia penginapan hendaklah menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di kawasan penginapan pekerja berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh KKM. Proses sanitasi dan pembersihan perlu dilaksanakan terutamanya di kawasan umum (*common spaces*) seperti bilik, lobi, Pusat rekreasi tertutup, tandas, ruang guna sama, kafeteria, tempat pembuangan sampah/ tong sampah termasuk kemudahan surau/tempat ibadat.

10. Apakah fungsi Protokol Tindak Balas Kecemasan (*Emergency Response Protocol*) di kawasan penginapan pekerja?

Majikan/ penyedia penginapan perlu mempunyai Protokol Tindak Balas Kecemasan (*Emergency Response Protocol*) (yang dikeluarkan oleh KKM) yang menyatakan tindakan yang perlu dilakukan sekiranya berlaku kes jangkitan COVID-19 atau pun kes siasatan jangkitan COVID-19 terhadap penghuni/pekerja.

11. Apakah perlu dilakukan jika pekerja/penghuni disyaki atau telah diuji positif dengan COVID-19?

Sekiranya terdapat penghuni/pekerja yang dijangkiti COVID-19, Majikan/ penyedia penginapan adalah bertanggungjawab untuk membantu dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada KKM dalam melaksanakan saringan atau *contact tracing* pekerja yang telah dijangkiti COVID-19 dan melaksanakan pengurusan *contact* untuk mengenal pasti individu lain yang mempunyai *contact* rapat dengan penghuni/pekerja.

12. Adakah kafeteria/ kantin/ kedai dobi/kedai runcit dan lain-lain premis perniagaan dalam kawasan penginapan pekerja dibenarkan beroperasi?

Kafeteria/ kantin/ kedai dobi/kedai runcit dan lain-lain premis perniagaan dalam kawasan penginapan pekerja hanya dibenarkan beroperasi dengan syarat mematuhi penjarakan sosial dan langkah-langkah keselamatan yang dikeluarkan oleh KKM dipatuhi.

13. Adakah pemeriksaan dan saringan suhu badan perlu dilakukan?

Ya. Majikan/ penyedia penginapan hendaklah menyediakan dan menjalankan pemeriksaan saringan suhu badan atau *thermal scanner* serta saringan gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas. Pengukuran suhu badan dan saringan gejala perlu dilakukan setiap hari di kawasan penginapan pekerja.

14. Apakah yang perlu dilakukan oleh majikan/ penyedia penginapan sekiranya penghuni/pekerja mempunyai gejala COVID-19?

Sekiranya terdapat penghuni/pekerja demam atau bersimptom dengan bacaan suhu badan ialah 37.5° Celcius atau lebih, atau mempunyai gejala, penghuni/pekerja tidak dibenarkan memasuki kawasan penginapan pekerja dan syarikat perlu merujuk penghuni ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan.

15. Apakah langkah keselamatan dan kesihatan yang perlu dipatuhi oleh Majikan/ penyedia penginapan semasa tempoh PKP dan seterusnya?

- i. Penghuni/Pekerja yang tinggal di kawasan penginapan pekerja tidak dibenarkan keluar tanpa kelulusan dari Penyelia Penginapan (*Warden*).
- ii. Pelawat/Orang Awam tidak dibenarkan masuk ke kawasan penginapan pekerja, kecuali kakitangan perubatan dan penyedia perkhidmatan lain yang diluluskan oleh majikan/ penyedia penginapan.
- iii. Majikan/ penyedia penginapan hendaklah menjalankan dan merekodkan pemeriksaan suhu badan semua kakitangan dan penghuni/pekerja di kawasan penginapan pekerja. Mana-mana kakitangan dan penghuni/pekerja yang mempunyai gejala penyakit COVID-19 dengan suhu badan melebihi 37.5 °C hendaklah dengan segera dipisahkan daripada orang lain untuk tindakan lanjut.
- iv. Keadaan kesihatan kakitangan dan penghuni/pekerja perlu dipantau dengan kerap. Majikan/ penyedia penginapan dikehendaki berwaspada terhadap kakitangan dan penghuni/pekerja yang hanya menunjukkan sedikit sahaja gejala COVID-19.
- v. Penghuni/Pekerja dan kakitangan perlu mempraktikkan amalan penjarakkan sosial dan tiada perhimpunan, sosial, sukan atau aktiviti keagamaan yang melibatkan penyertaan melebihi 10 orang dibenarkan dalam kawasan penginapan pekerja.
- vi. Mendidik dan mendisiplinkan penghuni/pekerja tentang kebersihan diri.
- vii. Pastikan semua kakitangan /penghuni/pekerja yang dipantau selepas hubungan rapat dengan pesakit COVID-19 tidak meninggalkan kawasan kuarantin sementara yang telah dikenalpasti oleh Majikan/ penyedia penginapan.
- viii. Sekiranya ada kes kecemasan yang berkaitan dengan Covid-19, Majikan/ penyedia penginapan hendaklah berhubung terus dengan KKM.

16. Sekiranya terdapat penghuni/pekerja positif COVID-19, bagaimanakah pengesanan kontak dilakukan?

- i. Pihak KKM biasanya akan melakukan prosedur penjejakan kontak rapat pesakit COVID-19 sendiri mengikut prosedur KKM bagi wabak COVID-19.
- ii. Setiap penghuni/pekerja perlu memuat turun aplikasi KKM bagi tujuan *contact tracing* (MySejahtera App).
- iii. Majikan/ penyedia penginapan di mana terdapat kes pesakit COVID-19 yang positif perlu dengan segera mengesan dan mengenal pasti semua penghuni/pekerja yang diketahui telah berada dalam hubungan langsung/tidak langsung dengan pesakit COVID-19 yang positif itu.
- iv. Majikan/ penyedia penginapan hendaklah menyimpan rekod nama dan butiran lain seperti No. Kad Pengenalan/passport kakitangan / pekerja ini dan perlu dipantau dengan teliti. Suhu badan mereka perlu diambil tiga (3) kali sehari bagi memastikan mereka bebas daripada apa-apa gejala atau jangkitan COVID-19. Sekiranya suhu badan $\geq 37.5^{\circ}\text{C}$ atau apa-apa simptom COVID-19 ditemui semasa tempoh pengawasan (biasanya 14 hari), Majikan/ penyedia penginapan hendaklah dengan segera mengaturkan atau menghantar kakitangan/pekerja/penghuni terbabit ke hospital kerajaan terdekat.

17. Bagi kawasan penginapan pekerja yang mempunyai kafetaria/dewan makan, bagaimanakah susun atur meja yang perlu dipatuhi?

- i. Susun atur meja, dengan jarak 2 meter antara meja bagi membolehkan penjarakan sosial sekurang-kurang 1 meter
- ii. Setiap meja dimuatkan tidak melebihi 4 orang semeja
- iii. Premis perlu menyatakan dengan jelas bilangan pelanggan/penghuni yang dibenarkan pada satu-satu masa untuk memenuhi keperluan penjarakan sosial

18. Adakah pelawat/orang awam boleh masuk ke kawasan penginapan pekerja?

Pelawat/Orang Awam tidak dibenarkan masuk ke kawasan penginapan pekerja, kecuali kakitangan perubatan dan penyedia perkhidmatan lain yang diluluskan oleh majikan/ penyedia penginapan termasuk kontrak pembersihan dan kontrak penyelenggaraan awam (*general maintenance*).

19. Jika majikan/ penyedia penginapan ingkar Perintah Kawalan Pergerakan ini, adakah ia satu kesalahan?

Ya, ia adalah satu kesalahan jenayah di bawah Peraturan 7 Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam

Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 yang boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

20. Apakah aktiviti yang tidak boleh dilakukan dikawasan penginapan?

- i. Terima pelawat
- ii. Bersosial dan bersukan secara berkumpulan
- iii. Solat berjemaah berkumpul
- iv. Kenduri/sambutan keagamaan

B. JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP)

21. Bagaimanakah cara untuk syarikat saya memulakan kerja pemasangan dan penyenggaraan jentera semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?

Syarikat perlu mengisytiharkan maklumat syarikat dan bersetuju dengan ikrar akujanji pematuhan SOP. Walau bagaimanapun, sekiranya syarikat telah mendapat kebenaran beroperasi di bawah PKP sebelum ini, tiada keperluan untuk berbuat demikian. Sila rujuk laman sesawang rasmi MITI melalui pautan berikut: notification.miti.gov.my

22. Apakah syarat-syarat yang perlu syarikat saya patuhi untuk menjalankan kerja pemasangan dan penyenggaraan jentera semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?

- i. Mematuhi SOP PKP Bersyarat yang dikeluarkan oleh MKN yang boleh diakses melalui pautan berikut <http://www.jpm.gov.my/ms/content/banner-sop-pkp-bersyarat>;
- ii. Mematuhi Prosedur Kerja Selamat COVID-19 di Tempat Kerja yang dikeluarkan oleh JKKP yang boleh didapati melalui Laman Sesawang JKKP yang boleh diakses melalui pautan berikut: www.dosh.gov.my; dan
- iii. Mematuhi Prosedur Pencegahan COVID-19 yang ditetapkan KKM dari semasa ke semasa.

23. Saya ingin menjalankan pemasangan lif dan eskalator di sektor perkhidmatan seperti kompleks membeli belah, hotel dan lain-lain. Berapakah bilangan maksimum pekerja syarikat saya yang dibenarkan pada satu-satu masa semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini?

Bilangan maksimum pekerja yang dibenarkan pada satu-satu masa adalah 10 orang sahaja.

24. Apakah aktiviti yang tidak dibenarkan bagi kerja pemasangan dan penyenggaraan jentera?

Menjalankan kerja secara berkumpulan melebihi 10 orang.

25. Syarikat saya menjalankan penyenggaraan jentera di tempat awam. Siapakah yang bertanggungjawab menjalankan pengukuran suhu badan ke atas pekerja saya?

Majikan perlu melantik orang yang dilatih untuk menjalankan pengukuran suhu badan. Sila rujuk Prosedur Kerja Selamat COVID-19 di Tempat Kerja yang dikeluarkan oleh JKKP (rujuk Soalan 2).

26. Apakah tindakan yang boleh dikenakan ke atas syarikat jika didapati tidak mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah ditetapkan?

Majikan boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan yang berkaitan mengikut peruntukan Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], Peraturan atau Perintah di bawahnya.

27. Apakah syarat-syarat yang perlu syarikat saya patuhi untuk menjalankan kerja pemasangan dan penyenggaraan kren menara semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?

- i. Mematuhi SOP PKP Bersyarat yang dikeluarkan oleh MKN yang boleh diakses melalui pautan berikut <http://www.jpm.gov.my/ms/content/banner-sop-pkp-bersyarat>;
- ii. Mematuhi Prosedur Kerja Selamat COVID-19 di Tempat Kerja yang dikeluarkan oleh JKKP yang boleh didapati melalui Laman Sesawang JKKP yang boleh diakses melalui pautan berikut: www.dosh.gov.my;
- iii. Mematuhi SOP Sektor Pembinaan yang berkaitan; dan
- iv. Mematuhi Prosedur Pencegahan COVID-19 yang ditetapkan KKM dari semasa ke semasa.

Catatan:

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik Covid-19 ini.*
- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

6 MEI 2020